

MOU

07/12/2023 / [Lazhari Zaidah Mohd NS](#)



SHAH ALAM , 1 DISEMBER 2023 – UiTM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Beijing Union University (BUU) pada hari ini. Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif bagi menyokong matlamat strategik universiti dalam usaha untuk meningkatkan mutu penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran di peringkat antarabangsa.

Majlis menandatangani MoU ini telah diadakan di Pejabat Canselor, UiTM Shah Alam oleh Prof. Datuk Dr Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, Naib Canselor UiTM, bersama Ms Zhou Thong, Naib Presiden BUU serta disaksikan oleh Dr Ikhwan Naim Md Nawi, Timbalan Pengarah Akademik, Penyelidikan dan Inovasi Pusat Asasi UiTM, wakil-wakil UiTM Global dan wakil-wakil pengurusan BUU.



Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Dr Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, berkata jalinan kerjasama ini merupakan satu lakaran sejarah yang bermakna bagi UiTM dalam usaha meningkatkan mutu kecemerlangan penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran UiTM bersama universiti antarabangsa. Selain itu, melalui jalinan kerjasama ini ianya dapat memacu usaha untuk menjadikan UiTM sebagai universiti yang terkemuka menjelang 2025.

Beliau berharap agar warga UiTM dapat memanfaatkan kepakaran dan pengalaman bersama-sama dengan pihak BUU bagi meningkatkan lagi kualiti pendidikan UiTM setanding dengan universiti terkemuka di dunia menjelang 2025.

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: [Universiti Teknologi MARA](#)

< "No leg, no problem!"

Menjejak Seni Bina Istana Klasik Melayu >

QUICK LINKS

Ministry of Higher Education
Academic Calendar
Intake Calendar
Graduate Quick Search

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan



Library

Malaysia

UiTM Holdings

Tel: +603-5544 2051 / 2000

WiFi UiTM

E-Complaint

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress